

Perlis tutup semua 49 pusat pemindahan mangsa banjir

KANGAR 6 April - Kesemua 49 pusat pemindahan mangsa banjir di Perlis ditutup hari ini dengan empat yang terakhir menempatkan 219 mangsa daripada 53 keluarga ditutup secara berperingkat-peringkat bermula pukul 8 pagi sehingga 1 petang ini.

Penutupan itu diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu ketika penggulungan perbahasan Mesyuarat Pertama, Penggal Persidangan Keempat Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN)

ke-12, di sini hari ini.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) memberitahu, empat pusat pemindahan terakhir adalah di bandar ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Ali yang menempatkan 26 mangsa daripada tujuh keluarga.

Surau Titi Tok Bandar (39 mangsa) dan Dewan Kota Keran yang menempatkan 58 mangsa daripada 10 keluarga.

Satu lagi pusat pemindahan adalah di Sekolah Kebangsaan (SK) Tambun Tulang, Arau yang menempatkan 45 mangsa daripada 15 keluarga.

Menurut jurucakap tersebut, pusat pemindahan terakhir ditutup pada pukul 1 petang ini ialah Surau Titi Tok Bandar dan Dewan Kota Keran.

Banjir yang melanda negeri ini bermula 30 Mac lalu menyebabkan 6,044 mangsa daripada 2,236 keluarga berpindah ke pusat-pusat pemindahan.

Secara keseluruhan, Kangar merupakan kawasan paling ramai mangsa yang terpaksa dipindahkan iaitu 4,068 orang daripada 1,611 keluarga melibatkan 25 pusat pemindahan.

Ini diikuti oleh kawasan Arau sebanyak 1,311 mangsa daripada 665 keluarga yang berpindah ke 13 pusat, manakala di Padang Besar pula mencatatkan 665 mangsa daripada 169 keluarga untuk ditempatkan di 11 pusat pemindahan.